



JABATAN PERDANA MENTERI  
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Kerajaan melalui MAMPU menjemput Syarikat *Manage Service Provider* (MSP) / *Cloud Service Provider* (CSP) yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menyertai Sebut Harga seperti di bawah.

TAJUK	<b>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENGKOMPUTERAN AWAN UNTUK KEGUNAAN DASHBOARD UTILITI DAN ASET ALIH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b>
NO. SEBUT HARGA	<b>SH/MAMPU/CLOUD/3/2022</b>
KOD BIDANG	<b>210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107</b>
TARIKH PELAWAAN	<b>23 November 2022 (Rabu)</b>
TARIKH TUTUP	<b>7 Disember 2022 (Rabu) jam 12:00 tengahari</b>

1. Pembida hendaklah merujuk dan memahami Dokumen Sebut Harga sebagai panduan menyertai sebut harga ini. Dokumen Sebut Harga juga boleh didapati di laman sesawang rasmi MAMPU di [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my).
2. Semua dokumen Tawaran yang perlu dikemukakan secara manual HENDAKLAH disediakan dalam dua (2) salinan *hardcopy* dan juga satu (1) salinan *softcopy* (mengandungi dokumen cadangan teknikal dan harga) di dalam USB *thumbdrive/ flash drive*. Salah satu (1) salinan daripada dokumen *hardcopy* hendaklah ditandakan sebagai 'ASAL'.
3. Dokumen tawaran HENDAKLAH dimasukkan ke dalam sampul atau bungkusan berlakri (*sealed*) dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atas sampul atau bungkusan tersebut seperti berikut:

'SULIT – NO. SEBUT HARGA: SH/MAMPU/CLOUD/3/2022  
NO. TAG PEMBEKAL: SH/MAMPU/CLOUD/3/2022  
(DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL DAN HARGA)'.

4. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi boleh dikemukakan secara SERAHAN TANGAN atau PERKHIDMATAN POS BERDAFTAR/KURIER ke alamat seperti berikut:

**Seksyen Kewangan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Aras 5, Setia Perdana 2 (Blok B2),  
Kompleks Setia Perdana,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA**

5. Dokumen Tawaran yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar atau kurier hendaklah sampai sebelum 7 Disember 2022 (Rabu) jam 12:00 tengah hari. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak Kerajaan.
6. Tempoh sah laku bagi sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup tawaran.